

Polis mula siasat kempen awal Anwar di Kajang

Malaysian Insider

Feb 11, 2014

OLEH SYAHIRAH RASHID

Polis memulakan siasatan terhadap calon PKR bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang, Datuk Seri Anwar Ibrahim (gambar) kerana gagal memberikan notis 10 hari sebelum berkempen awal di Kajang, kata timbalan ketua polis Selangor.

Datuk Abdul Rahim Jaafar berkata, pihaknya tidak menerima sebarang notis daripada Anwar berhubung kempen beliau di Kajang seperti yang dikehendaki mengikut Akta Perhimpunan Aman 2012.

Katanya, tindakan Anwar boleh disiasat mengikut akta tersebut kerana kempen rasmi PRK hanya boleh dilakukan selepas tarikh penamaan calon pada 11 Mac.

Beliau menambah, tindakan berkempen lebih awal ini melanggar undang-undang seperti yang termaktub di peruntukan yang harus dipatuhi semua pihak.

"Apa yang saya cakap adalah termaktub dalam undang-undang dan semua parti bertanding perlu mematuhi, tiada yang terkecuali.

"Saya minta parti politik supaya dapatkan permit polis mengikut Akta Perhimpunan Aman 2012 sekiranya mengadakan perhimpunan atau ceramah,"katanya dipetik dari akhbar berbahasa Melayu Berita Harian.

Anwar yang juga merupakan ketua pembangkang menganjurkan siri ceramah serta sesi bertemu rakyat di Kajang di dewan masyarakat untuk menjelaskan langkahnya bertanding di situ.

Polis dilaporkan menerima laporan terhadap Anwar daripada penduduk Kajang serta parti komponen Barisan Nasional (BN) kerana dikatakan melanggar undang-undang dengan berkempen lebih awal.

Menurut akhbar itu lagi, Pengerusi dan Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Seri Noh Omar berkata, tindakan Anwar yang melanggar undang-undang itu merupakan musilhatnya untuk meraih sokongan daripada pengundi.

Bagaimanapun, Anwar menafikan beliau melanggar undang-undang dengan berkempen lebih awal dan menuduh dakwaan ke atasnya itu tidak berasas.

Beliau mengatakan BN sudah melancarkan kempen agresif terhadapnya di media yang dikawal mereka dan hanya akan bersetuju dengan dakwaan tersebut sekiranya beliau didakwa oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Minggu lalu, SPR menetapkan tarikh 23 Mac untuk PRK Kajang dan 11 Mac untuk hari penamaan calon.

Kerusi DUN Kajang kosong berikutan peletakan jawatan Lee Chin Cheh sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kajang pada 27 Januari.

Kajang mempunyai pengundi berdaftar terdiri 48.5 peratus Melayu (19,050 orang), 40.28 peratus Cina (15,823), 10.29 peratus India (4,040), 0.52 peratus lain-lain (203), 0.2 peratus bumiputera Sabah (78), 0.19 peratus bumiputera Sarawak (74) dan 0.03 peratus Orang Asli (10 orang).

Pakatan Rakyat (PR) sudah menamakan Anwar yang juga merupakan ahli Parlimen Permatang Pauh sebagai calon mereka.

Sehingga kini, BN masih belum menamakan calon mereka. - 11 Febuari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/polis-mula-siasat-kempen-awal-anwar-di-kajang>